

DIDIK CARA DIGITAL

MDEC teraju pembelajaran kembara

FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN

BERITA IT

Afiq Hanif

afiq_hanif@metro.com.my

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dengan usahasama Pintar Foundation melancarkan unit pembelajaran kembara di bawah inisiatif kebangsaan #mydigitalmaker dengan matlamat memberi pendedahan dan peluang mengenai pendidikan digital.

Ia disasarkan kepada kira-kira 100,000 pelajar di sekolah luar bandar, bandar kecil dan kurang berkemampuan.

Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Datuk Yasmin Mahmood berkata, inovasi digital mencipta semua sektor dan merubah landskap pekerjaan.

“Bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing di dalam arena tempatan dan global, penting untuk kita melengkapkan golongan muda dengan kemahiran

digital yang mustahak agar mereka bersedia menjadi ‘pasukan kerja digital’ di masa hadapan,” katanya.

Katanya, mewujudkan sebuah negara pencipta digital memerlukan usaha bersama dengan pemain industri dan ahli akademik, jadi perkongsian dengan Pintar Foundation bertepatan dalam menyokong usaha ini.

MDEC kini menjalin perkongsian dengan pelbagai rakan kongsi strategik dan universiti untuk menyemai ekosistem pencipta digital bagi menyediakan peluang pembelajaran berasaskan projek menerusi aktiviti ko-kurikulum, hab pencipta digital dan pertandingan.

Syarikat teknologi seperti Microsoft Malaysia, Google Malaysia, DiGi Telecommunications, Sasbadi, Designex3D, Cytron Technologies, Janalima, Centillion Robotics, Acestor dan Maker21 adalah antara rakan kongsi industri yang akan mempamerkan



KEMBARA digital menyeronokkan dan interaktif.

modul pembelajaran dan kandungan.

Ia merangkumi robotik, animasi kreatif, realiti maya, pembangunan aplikasi, keselamatan siber dan juga percetakan 3D serta penyediaan model dalam unit kembara pembelajaran ini.

Sementara itu, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Pintar Foundation, Sabri Ab Rahman, berkata mereka fokus untuk melakukan kelainan kepada kehidupan pelajar di dalam masyarakat yang terpinggir dengan mempromosikan

pendidikan menerusi kaedah merangsang mental, inovatif dan kreatif.

“Kami mengetahui kelainan yang akan dicetuskan bagi memberi pendedahan kepada pelajar luar bandar dan bandar kecil terhadap masa hadapan teknologi digital

yang mewah dan penuh ganjaran ini,” katanya.

Beliau berkata, serangan alam siber kini semakin kompleks jadi sistem keselamatan juga perlu sentiasa dikemaskini dan kita boleh melakukannya secara ‘cloud’ seperti ditampikan Radar.

“Ia sekali gus membantu melindungi operasi syarikat di negara ini terutama apabila industri memainkan peranan dalam ekonomi negara yang memerlukan pemantauan siber menyeluruh serta mengikut masa sebenar,” katanya.

Beliau berkata, Radar mampu memantau dan menyelesaikan isu keselamatan sebelum ia menjadi masalah.

Menurut laporan agensi penyelidik, Gartner, kira-kira 75 peratus serangan siber berlaku ke atas lapisan aplikasi pelanggan dengan pelbagai punca dikenal pasti termasuk konfigurasi salah pentadbir sistem, perisian lama dan kata laluan tidak selamat.